

PEMBENTUKAN KAREKTOR PELAJAR BITARA PENULISAN MELALUI PENGELOLAAN PEMBELAJARAN STRATEGI 4-META

Shahlan Surat, Saemah Rahman, Zuria Mahmud

ABSTRACT

This study aims to determine the level of use of the techniques in training on 4-META strategy through the Malay language essay writing. This descriptive study applied a survey method through questionnaires on the use of techniques of 4-META which are STOP, AIMS, DARE and IHCPP techniques during the production process of the Malay language essay writing. The sample consisted of 31 students from a daily school who had been exposed to the 4-META strategy for 6 weeks under the guidance of a teacher. Through this module, emphasis is focused on meta cognitive elements which are meta-knowledge, meta-attention, meta-comprehension and, meta cognitive reflection. The modules strategy used in this study had a high content validity with the Alpha Cronbach value found as 0.862. Instruments using 4-META technique is a form of likert scale of validity and reliability of 0.78 to 0.93. The findings indicate that the use of 4-META techniques in the essay writing activity is at a high level. This is based on the mean value shown for each technique: STOP (mean= 51.16, std.Dev. = 6.38), AIMS (mean= 51.54, std.Dev =5.70), DARE (mean= 54.67, std.Dev. =6.44) and IHCPP (mean= 54.87, std.Dev.=6.05). The number and percentage of students who used these technique were found to be high. This shows that the 4-META module strategy is suitable to be used by students during their process of writing essay. Thus, this way of learning should be addressed by language teachers during the writing essay task/ activity so that they can help students eventually become the language expert.

Pengenalan

Pendidikan adalah asas utama dalam pembangunan sesebuah negara. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) bermatlamat untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan, produktif, kreatif dan inovatif. Tumpuan utama diberikan kepada usaha melahirkan semua pelajar yang holistik serta mempunyai profiensi yang tinggi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Muhyiddin, 2009). Bagi tujuan itu, perkembangan pendidikan di Malaysia dalam aspek pengajaran guru dilihat lebih menekankan kemahiran pemikiran aras tinggi dan kajian tentang pengajaran sebagai satu aktiviti kognitif. Peranan guru telah berubah daripada sumber pengetahuan kepada murid menjadi perancang dan pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran, agen perubahan dan sumber inspirasi kepada murid. Guru perlu kreatif dan inovatif supaya dapat merancang dan menyampaikan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan, menarik dan menyeronokkan (Kementerian Pelajaran Malaysia 2006). Memperkasakan strategi pengajaran dan pembelajaran membolehkan matlamat dan objektif Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah dapat dicapai. Antaranya ialah melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa, berkomunikasi, menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan perasaan cintakan negara. Oleh itu, pembentukan karektor bangsa Malaysia melalui pembelajaran dapat dibentuk pada peringkat sekolah lagi.

Latar Belakang Kajian

Penyelidikan dalam pembangunan pembelajaran murid kini dilihat menjurus ke arah pembentukan karektor bangsa Malaysia yang akhirnya berupaya untuk berfikir kreatif dan kritis, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, serta mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan

dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah. Oleh itu, pendekatan strategi pengajaran bahasa juga berfokus ke arah pencapaian yang diharapkan. Hal ini demikian kerana, melalui pendekatan metakognitif atau pengelolaan strategi yang memberi penekanan kepada konsep 'belajar bagaimana pelajar belajar' (Saemah et.al 2009;2010) karektor bangsa Malaysia yang mahir dalam menulis dapat dibentuk dari peringkat persekolahan lagi. Konsep kesepaduan proses pengajaran dan pembelajaran sedemikian mampu melahirkan golongan pelajar yang berfikiran kreatif dan kritis bagi menghadapi kehidupan pada abad ke-21. Oleh itu, Saemah et.al (2009; 2010) telah mengenal pasti tiga elemen asas strategi yang boleh diaplikasikan oleh guru untuk melahirkan murid yang *expert* iaitu meta-tumpuan (*meta-attention*), meta-pemahaman (*meta-comprehension*) dan, proses refleksi metakognitif (*meta cognitive reflection*).

Tiga elemen asas yang dinyatakan masih tidak diberi perhatian oleh guru-guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajiannya juga mendapati, penggunaan strategi metakognitif masih berada pada tahap yang minimum. Kebanyakan guru gagal mengimplementasikan strategi ini bagi membantu pelajar supaya sedar tentang proses pembelajarannya. Guru juga gagal untuk mengetahui dan menyedari kepentingan perancangan, pemantauan, dan penilaian dalam diri pelajar semasa proses pembelajaran. Oleh itu, Saemah et.al (2009) mencadangkan pembinaan modul pengajaran strategi metakognitif dibuat untuk diguna pakai oleh guru-guru .

Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu, banyak kajian yang berkaitan dengan gaya dan strategi pembelajaran bahasa telah dan sedang dijalankan. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dibincangkan, pelbagai usaha masih dan terus dilakukan dari pelbagai sudut metakognitif bagi mengatasi masalah pencapaian penghasilan penulisan mata pelajaran Bahasa Melayu (Marohaini 1999; Supian 2003; Roselan 2003; Suppiah 2003; Muhammad Azhar 2004; Suppiah 2004a; 2004b; 2004c; Suppiah 2005a; Suria 2007; Huzaina Abdul Halim 2007; Mahzan Arshad 2007; Saemah et.al 2009). Namun prestasi yang ditunjukkan masih berada pada tahap baik sahaja. Oleh itu, strategi pengajaran 4-META yang diaplikasikan dalam proses penghasilan karangan, pencapaian yang cemerlang dan kepujian akan terhasil.

Kajian-kajian lepas dalam negara juga memperlihatkan belum ada kajian pengajaran metakognitif dalam aktiviti penulisan dijalankan. Namun begitu, kajian-kajian di barat (Graham & Harris 2003; 2009; Harris et.al 2009) mendapati penggunaan strategi metakognitif mampu meningkatkan pencapaian dalam penulisan. Oleh itu, pengkaji melihat masih ada ruang yang perlu diketengahkan dalam membantu meningkatkan pencapaian tersebut berdasarkan dapatan kajian-kajian terdahulu di luar negara (*Pressley, Borkowski, & Schneider, 1987; Pressley & Harris, 2006; dan Wong, Harris, Graham, & Butler, 2003; Harris, K.R. Graham, Maso, & Friedlander 2008; Harris, Santangelo & Graham 2009; Kiuahara 2009*) dalam konteks amalan pengajaran di negara kita.

Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan prosedur dan strategi penulisan yang berasaskan metakognitif berjaya diimplimentasikan dalam skop kajian yang luas (De La Paz, 2005; De La Pez & Graham, 1997a; De La Pez & Graham, 2002; Ferretti et.al, 2000; Harris, Graham, & Mason, 2003; Harris & Graham,2008 dan Harris, Santangelo & Graham 2009). Melalui strategi ini, perlu dilaksanakan pada pelajar sekolah tinggi yang tidak dikategorikan sebagai pelajar keperluan khas (Fuchs, Compton, Bryan & Devis, 2008, Kiuahara, 2009)

Oleh itu, penggunaan modul strategi pengajaran pembelajaran 4-META yang dilaksanakan melalui teknik *STOP, AIMS, DARE* dan *IHCPP* yang diadaptasi daripada Model Metakognitif Flavell (1976;1978;1979), *Model Teaching Thinking Bayer* (1988), Model Strategi Perkembangan Regulasi-Kendiri Harris dan Graham (2009), dan Model Pelajar Pakar oleh Saemah (2010) merupakan satu bentuk latihan metakognitif yang sistematik dan terancang bagi melahirkan pelajar yang mahir dan mencapai tahap kebitaraan dalam penulisan karangan bahasa Melayu di peringkat sekolah lagi. Seterusnya meningkatkan kemahiran bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar seumur hidup, kajian masa depan dan kecerdasan dalam diri pelajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah menentukan tahap penggunaan teknik-teknik modul pengelolaan strategi 4-META dalam melahirkan karektor pelajar bitara penulisan karangan bahasa Melayu.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan ke atas penggunaan teknik-teknik 4-META dalam kalangan pelajar-pelajar. Menurut Kerlinger (1973), Thomas & Nelson (2001), dan Fraenkel & Wallen (2006) kaedah tinjauan adalah kaedah yang sesuai untuk mengukur pandangan responden terhadap sesuatu isu atau topik dan tingkah laku. Oleh itu, kajian ini meninjau penggunaan strategi 4-META yang dilaksanakan melalui teknik *STOP*, *AIMS*, *DARE* dan *IHCPP* dalam kalangan pelajar tingkatan 4 semasa proses penghasilan penulisan karangan bahasa Melayu. Sampel kajian adalah 31 orang pelajar sebuah sekolah yang telah diberi pendedahan strategi 4-META selama 6 minggu dengan bimbingan seorang guru. Latihan dan sesi bimbingan guru yang terlibat telah dilaksanakan oleh penyelidik sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidik melaksanakan pemerhatian turut serta terhadap perjalanan kelas kajian dengan menggunakan borang senarai semak proses P&P. Setelah pelajar mengikuti setiap teknik iaitu *STOP*, *AIMS*, *DARE* dan *IHCPP*, pelajar akan diberikan soal selidik penggunaan teknik 4-META. Instrumen penggunaan teknik 4-META adalah berbentuk skala likert yang mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.78 hingga 0.93. Data yang diperoleh daripada soal selidik penggunaan teknik, dianalisis menggunakan statistik deskriptif berdasarkan objektif kajian.

Dapatan Kajian

Analisis yang diperoleh daripada data soal selidik penggunaan teknik strategi 4-META dalam kalangan pelajar dapatan kajian adalah seperti jadual 1

Jadual 1: Min penggunaan setiap teknik 4-META dalam penulisan karangan (N=31)

		TEKNIK STOP	TEKNIK AIMS	TEKNIK DARE	TEKNIK IHCPP
N	Valid	31	31	31	31
	Missing	0	0	0	0
Mean		51.1613	51.5484	54.6774	54.8710
Std. Deviation		6.38277	5.70286	6.44664	6.05388
Skewness		-.182	-.276	-.748	-.615
Std. Error of Skewness		.421	.421	.421	.421
Kurtosis		-.435	-.586	1.091	.643
Std. Error of Kurtosis		.821	.821	.821	.821
Minimum		40.00	40.00	37.00	39.00
Maximum		64.00	62.00	65.00	64.00

- v *Teknik STOP- Teknik merancang penulisan*
- v *Teknik AIMS- Teknik menuliskan perenggan karangan*
- v *Teknik DARE- Teknik mengembangkan isi dan kesimpulan*
- v *Teknik IHCPP- Teknik penggunaan penanda wacana untuk mengembangkan isi*

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan teknik 4-META dalam aktiviti penulisan karangan adalah di tahap yang tinggi. Ini berdasarkan nilai min yang ditunjukkan bagi setiap teknik *STOP* (min=51.16, sp=6.38), *AIMS* (min=51.54, sp=5.70), *DARE* (min=54.67, sp=6.44) dan *IHCPP* (min=54.87, sp=6.05). Nilai min juga menunjukkan bahawa persetujuan pelajar terhadap teknik *IHCPP* adalah yang paling tinggi diikuti dengan teknik *DARE*, teknik *AIMS* dan teknik *STOP*.

Tahap penggunaan teknik strategi 4-META dalam kalangan pelajar dapat di lihat seperti jadual 2.

Jadual 2: Bilangan dan peratusan penggunaan teknik STOP, AIMS, DARE dan IHCPP dalam aktiviti penulisan (N=31)

TAHAP PENGGUNAAN	Teknik STOP		Teknik AIMS		Teknik DARE		Teknik IHCPP	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Rendah	15	48.4	15	48.4	15	48.4	14	45.2
Tinggi	16	51.6	16	51.6	16	51.6	17	54.8
Jumlah	31	100%	31	100%	31	100%	31	100%

Bilangan dan peratusan persetujuan pelajar terhadap teknik 4-META juga diperoleh. Bagi teknik *STOP*, tahap penggunaan rendah adalah 15 orang pelajar (48.4%), sementara tahap tinggi adalah 16 orang (51.6%). Manakala teknik *AIMS*, tahap rendah 15 orang (48.4%) dan tahap tinggi seramai 16 orang (51.6%). Bagi teknik *DARE*, tahap rendah adalah 15 orang (48.4%), tahap tinggi 16 orang (51.6%). Teknik *IHCPP* pula tahap penggunaan rendah seramai 14 orang (45.2%) dan tahap tinggi 17 orang (54.8%). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa persetujuan pelajar terhadap penggunaan teknik ini pada tahap tinggi didapati lebih ramai berbanding pada tahap rendah semasa aktiviti penulisan karangan. Oleh itu, keseluruhan penggunaan teknik-teknik 4-META dalam kalangan pelajar semasa aktiviti penulisan adalah berada pada tahap persetujuan yang tinggi.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi 4-META melalui teknik-teknik yang dinyatakan adalah di tahap yang tinggi berdasarkan nilai min yang diperoleh. Bilangan dan peratusan pelajar pada penggunaan teknik tahap tinggi didapati bilangan pelajarnya lebih ramai berbanding pada penggunaan tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa modul strategi 4-META sesuai untuk digunakan oleh pelajar semasa proses menghasilkan penulisan sebagaimana kajian-kajian terdahulu. Antaranya kajian Graham & Harris (2003; 2009); Harris et.al (2009); *Pressley, Borkowski, & Schneider, (1987); Pressley & Harris, (2006); dan Wong, Harris, Graham, & Butler, (2003); Harris, K.R. Graham, Maso, & Friedlander (2008); Harris, Santangelo & Graham (2009); dan Kiuvara (2009)* mendapati penggunaan strategi metakognitif mampu meningkatkan pencapaian dalam penulisan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan strategi ini perlu diketengahkan dalam membantu meningkatkan pencapaian *dalam konteks amalan pengajaran di negara kita. Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan prosedur dan strategi penulisan yang berasaskan metakognitif berjaya diimplimentasikan dalam skop kajian yang luas (De La Paz, 2005; De La Pez & Graham, 1997a; De La Pez & Graham, 2002; Ferretti et.al, 2000; Harris, Graham, & Mason, 2003; Harris & Graham, 2008 dan Harris, Santangelo & Graham 2009). Melalui strategi ini, perlu dilaksanakan pada pelajar sekolah tinggi yang tidak dikategorikan sebagai pelajar keperluan khas (Fuchs, Compton, Bryan & Devis, 2008, Kiuvara, 2009).* Dapatan kajian ini telah membawa kepada beberapa implikasi teoritikal. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa modul strategi 4-META, mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Keberkesanan setiap teknik yang dilaksanakan oleh pelajar dalam proses menghasilkan penulisan mampu meningkatkan kebolehan dan fungsi kognitif secara lebih efektif. Hakikatnya modul strategi 4-META merupakan alat, bahan, dan sumber yang boleh meningkatkan pencapaian dalam kalangan pelajar sekolah serta mampu meningkatkan

minat ke arah proses pengajaran dan pembelajaran serta membantu para guru memudahkan proses pengajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, dapatan ini telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ilmu terutama dari segi pembangunan dan penilaian sesuatu modul terutama yang berkaitan dengan kualiti psikometriknya. Empat elemen asas strategi yang diberi fokus dalam strategi 4-META iaitu pengetahuan metakognitif (*metacognitive knowledge*), meta-tumpuan (*meta-attention*), meta-pemahaman (*meta-comprehension*) dan, refleksi metakognitif (*meta cognitive reflection*) yang dilaksanakan melalui teknik-teknik yang dinyatakan perlu diaplikasikan oleh guru-guru dalam melahirkan murid yang pakar (Saemah et.al 2009; 2010) dan secara langsung pembentukan karektor pelajar bitara penulisan melalui pengelolaan proses pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan dapat dipermudahkan.

Kesimpulan

Data yang diperoleh daripada dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan strategi 4-META melalui teknik-teknik yang diperkenalkan mampu membantu pelajar dan guru dalam meningkatkan kebitaraan dalam penulisan. Disamping itu juga, modul strategi pengajaran dan pembelajaran 4-META yang mempunyai kesahan kandungan yang tinggi mampu untuk meningkatkan kesedaran pelajar bagaimana pelajar belajar (*learning how to learn*) kemahiran penulisan karangan. Kebitaraan pelajar dalam menghasilkan penulisan akan dapat dijelmakan melalui pengelolaan pembelajaran yang dicadangkan melalui teknik-teknik strategi 4-META.

Rujukan

- Arshad, Mahzan (2007). Memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. *Masalah pendidikan, Jabatan Pendidikan Bahasa & Literasi Fakulti Pendidikan Universiti Malaya* 1 (Jilid 30):79-88.
- Bereiter, C. dan Scardamalia, M.(1987). *The psychology of written composition*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- . (1993). *Surpassing ourselves: An inquiry into the nature and implications of expertise*. Chicago: Open Court.
- Borkowski, J. G., Carr, M., dan Pressley, M (1987). Spontaneous strategy use: Perspectives from metacognitive theory. *Intelligence* 11:61-67.
- Coffey, Heather. (2009). The relationship between metacognition and writing in sixth grade mathematics, Education, Walden University.
- De La Paz, S., dan Graham, S.(1997). Effect of dictation and advanced panning instruction on the composing of student with and without learning disabilities. *Learning Disabililities Research and Praticce* 14:92-106.
- Flavell, J. H. (1976). Metacognitive aspect of prolem solving. In *L.B. Resnick (Ed.) The nature of Intelligence*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- . (1979). Metacognition and cognitive monitoring: A new area of cognitive developmental inquiry. *American Psychologist* 34:906-911.
- Flavell, J.H. (1970). Developmental and studies of mediated memory In *Advances in child development and behavior*, edited by L. P. (pnyt) Reese and Lippistt. New York: Academic Press.
- Flavell, J.H. (1985). *Cognitive development*. : Eaglewood Cliff, New Jersey: Prentice-Hall.
- Flower, L.S. (1994). Metacognition: A strategic response to thinking. In *The construction of negotiated meaning*, edited by L.Flower: Southern Illinois Press.
- Flower, L.S., dan Hayes, J.R. (1984). Images, plans, and prose: The representation of meaning in writing. *Written Communication* 1:120-160.
- Flower, L.S., dan Hayes, J.R, ed. (1980). *The dynamics of composing: Making plans and juggling constraints*. In *L.W.Greeg & E.R.Steinberg (Eds.), Cognitive processes in writing (pp. 31-50)*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

- Fraenkel & Wallen (2006). *How to design and evaluate research in education*. Seventh edition. USA: McGraw Hill.
- Graham, S., dan Harris, K.R. (2005). *Writing better, effective strategies for teaching students with learning difficulties*. Baltimore: Paul.H. Brookes Publishing Co.
- Graham, S., dan Harris, K.R. (1996). Self regulation and strategy instruction for student who find writing and learning challenging. In M.Levy & S. Ransdell (Eds.). In *The science of writing: Theories, method, individual differences, and application* (pp. 347-360). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Graham, Steve, dan Karen R. Harris. (1993). Improving the writing of students with learning problems: Self-regulated strategy development. *School Psychology Review* 22 (4):656.
- Harris, K.R., dan Graham, S. (1999). Programmatic intervention research: Illustrations from the evolution of self-regulated strategy development. *Learning Disability Quarterly* 22:251-262.
- . (2009). Self-regulated strategy development in writing: Premises, evolution, and future. *British Journal of Educational Psychology*.
- Harris, K.R., dan Graham, S., dan Mason, L. (2003). Self regulate strategy development in the classroom: Part of a balance approach to writing instruction for students with disabilities. *Focus on Exceptional Children* 35:116.
- Harris, K.R., Ried, R., dan Graham, S, ed. (2004). *Self-regulation among students with LD and ADHD*. In Wong (Ed.). Edited by 3, *Learning about learning disabilities* (pp.167-195). Orlando,FL: Academic Press.
- Harris, K.R., Santangelo, T., dan Graham, S. (2008). Self-regulated strategy development in writing: Going beyond NLEs to a more balance approach. *Instructional Sciences* 36:395-408.
- Hayes, J.R dan Flower, L.(1980). Identifying the organization of writing processes. In *Cognitive processes in writing*, edited by L.Gregg & E.R.Steinberg. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Huzaina, A.H. (2007). Aplikasi penyemakan semula oleh rakan sebaya dalam meningkatkan kemahiran menulis. *Masalah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Bahasa & Literasi Fakulti Pendidikan Universiti Malaya* 30 (1).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kerlinger, F.N(1973). *Foundation of behavioural research*. 3rd Edition. New York: Holt Rinchart & Winston.
- Marohaini, Y.(1996). Perlakuan dan proses menulis karangan pelajar Tingkatan 4 di dalam bilik darjah: satu kajian kes. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Khir dan Marzuki.(2009). *Panduan KBSM. Karangan gred A SPM*. Shah Alam: Cerdik Publications.
- Muhammad Azhar dan Hassan Basri.(2005). Kesedaran metakognitif membaca dan pencapaian akademik mata pelajaran bahasa. *Jurnal Pendidika, Universiti Malaya*.
- Muhyiddin (2009). *Teks ucapan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia pada 21 Julai 2009*: Putrajaya International Convention Centre (PICC).
- Nelson, T.O. dan Narens, L.(1990). Metamemory: A theoretical framework and new findings. *The Psychology of Learning and Motivation* 26:125-141.
- Newell, A. dan Simon, H.A.(1973). *Human problem solving*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Panaoura, A. dan Philippou, G. (2005). *The measurement of young pupils' metacognitive ability in mathematics: the case of self-representation and self evaluation*: Sant-Feliu-de-Guixols: CERME 4.
- Postma, A.(2000). Detection of errors during speech production: A review of speech monitoring models. *Cognition*, 77:97-131.
- Pressley, M., dan Harris, K.R. (2006). Cognitive strategies instruction: From basic research to classroom instruction. . In *In P.A. Alexander & P.Winne (Eds.) Handbook of educational psychology* (2nd

- ed., pp.265-286). New York: Macmillan.
- Reder, L.M. dan Schunn, C.D.(1996). Metacognition does not imply awareness: Strategy choice is governed by implicit learning and memory. In *Implicit memory and metacognition*, edited by L. M. Reder. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Rijlaarsdam, G. dan van den Bergh, H. (1996). The dynamics of composing- An agenda for research into an interactive compensatory model of writing: Many questions, some answers. In *The science of writing: Theory, methods, individual differences, and applications*, edited by C. M. Levy. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associate.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Senario, teori dan panduan untuk guru dan pelajar, Siri Pengajaran Bahasa Melayu*. Kajang: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Saemah Rahman, Zuria Mahmud, Siti Fatimah Mohd Yassin, Ruslin Amir & Khadijah Wan Ilias, Universiti Kebangsaan Malaysia. (2010). The Development Of Expert Learners In The Classroom. *Contemporary Issues in Educational Research*. 3(6), 1-8
- Saemah Rahman, Siti Fatimah Mohd. Yassin, Zuria Mahmud, Ruslin Amir, Khadijah Wan Ilias.(2009). The Development Of Expert Learners From Teachers And Students Perspectives. Paper read at EABR & TLC Conference Proceedings at Prague Czech Republic.
- Schraw, G. dan Dennison, R.S.(1994). Assessing metacognitive awareness. *Contemporary Educational Psychology* 19:460-475.
- Supian. (2003). Strategi pembelajaran ayat transformasi satu dasar. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Suppiah, N.(2004a). Konsep kata kunci (key words) dalam penulisan karangan melalui Analisis Hermeneutik Paper read at *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pertama UPSI-UPI*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. .
- . (2004c). Proses penulisan karangan yang baik melalui Analisis Hermeneutik: Suatu pengalaman psikologi pembelajaran Kesan Stres Positif (Positive Stress Effects) dalam tahap bawah sedar murid. Dalam *Prosiding Persidangan Stres Kebangsaan 2004* (pp. 247-256). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- . (2005b). *Kewujudan dan afektif dan kognitif dalam esei pelajar Sekolah Menengah melalui penyelidikan kualitatif (Analisis Hermeneutik)*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suppiah, N (2003). Proses kognitif dalam penulisan esei melalui Analisis Hermeneutik. Tesis Ph. D. Universiti Sains Malaysia.
- . (2004b). Proses episodisasi dalam penulisan karangan melalui Analisis Hermeneutik. Paper read at Abstrak Kertas Kerja Prosiding Kebangsaan Pengajaran Pembelajaran Kemahiran Berfikir (p. 1). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suppiah, N.(2005a). *Proses kognitif dan afektif dalam penulisan karangan melalui Analisis Hermeneutik (Interpretasi Teks Karangan)*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suria, (2007). Pengajaran dan pembelajaran aktiviti pra penulisan berasaskan teori otak. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Thiede, K.W., dan Dunlosky, J. (1999). Toward a general model of self-regulated study: An analysis of selection of items for study and self-paced study time. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, and Cognition*. 25:1024-1037.
- Thiede, K.W., Anderson, M.C.M., dan Therriault, D.(2003). Accuracy of metacognitive monitoring affect learning of text. *Journal of Educational Psychology* 65:66-73.
- White, B. Y., dan Frederiksen, J.R. (1998). Inquiry, modeling, and metacognition: Making science accessible to all students. *Cognition and Instruction* 16:3-118.
- Wong, B., Y.L., Harris, K.R., Graham, S., dan Butler, D.L. (2003). Cognitive strategies instruction research in learning disabilities. In H.L. Swanso, K.R. Harris, & S.Graham (Eds.). In *Handbook of learning*